



LAPORAN HARI AUDIT MALAYSIA

&

PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2013



“Audit Berkualiti Mendukung Kesejahteraan Rakyat Dan Negara”

11 & 12 NOVEMBER 2013 - HOTEL RIVERSIDE MAJESTIC, KUCHING



KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>		<u>MUKA SURAT</u>
PENDAHULUAN		1
UCAPAN ALUAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA		3
UCAPTAMA DAN PERASMIAN OLEH KETUA MENTERI SARAWAK		5
SESI I:	CERAMAH	
	Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri Sarawak - Isu, Cabaran dan Peranan Juruaudit Dari Perspektif Pelaksana	7
SESI II:	PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	
	Tajuk 1: <i>Anticipating Issues on the Implementation of Accrual Accounting</i>	9
	Tajuk 2: <i>Risk Based Audit Best Practices</i>	11
	Tajuk 3: <i>Impact of Malaysian Financial Reporting Systems (MFRS) on Audit Evidence</i>	12
SESI III:	FORUM	
	<i>Enhancing Institutional Capacity Through Professional Qualification</i>	13
SESI IV:	CERAMAH	
	ISSAI <i>Compliance Assessment Tools (iCATs)</i> – Pengauditan Prestasi	15
SESI V:	CERAMAH	
	Sistem e-SPP – Modul Pasukan Rujukan	17
SESI VI:	Transformasi Ke Arah Pengkhususan Pengauditan dan Pelaporan Yang Cemerlang	18
PENUTUP DAN RUMUSAN PERSIDANGAN OLEH TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PERSEKUTUAN)		20
SENARAI JABATAN/AGENSI NEGERI YANG MENERIMA ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2012		25
GAMBAR DI SEKITAR PERASMIAN HARI AUDIT 1MALAYSIA DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2013		28
JAWATANKUASA PELAPOR		30



PENDAHULUAN

Sambutan Hari Audit 1Malaysia merupakan acara tahunan bagi meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan peranan dan fungsi Jabatan Audit Negara dalam memperkukuhkan akauntabiliti dan integriti pengurusan serta tadbir urus wang awam. Persidangan Juruaudit Sektor Awam kali kelima yang dianjurkan sejak tahun 2009 ini merupakan platform untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan sektor awam dan isu-isu semasa yang berkaitan. Kedua-dua majlis ini telah diadakan di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak dari 11 hingga 12 November 2013 dengan kehadiran peserta seramai 800 orang bagi Hari Audit 1Malaysia dan 500 orang bagi Persidangan Juruaudit Sektor Awam. Peserta terdiri daripada warga Jabatan Audit Negara (JAN), Unit Audit Dalam serta tetamu jemputan. Tema yang dipilih bagi tahun ini adalah 'Audit Berkualiti Mendukung Kesejahteraan Rakyat Dan Negara'. Kedua-dua majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak.

Semasa majlis tersebut, YAB Ketua Menteri Sarawak telah melancarkan empat standard/garis panduan (GP) JAN iaitu Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs), GP Pengauditan Perolehan, GP Pengauditan Rancangan Tebatan Banjir – Sungai dan GP Pengauditan Pengurusan Sistem Saliran Bandar. Majlis penganugerahan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti juga telah dilaksanakan di mana 81 Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri berjaya memperoleh taraf 4 bintang dalam pengurusan kewangan.

Program Persidangan Juruaudit Sektor Awam dipenuhi dengan enam sesi. Sesi pertama adalah ceramah mengenai 'Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri Sarawak: Isu, Cabaran dan Peranan Juruaudit Dari Perspektif Pelaksana' oleh YBhg. Datu Haji Ismawi bin Haji Ismuni, Pengarah Unit Perancangan Negeri Sarawak. Sesi kedua merupakan sesi pembentangan kertas kerja yang dipengerusikan oleh Encik Zaaba bin Zainuddin, Pengarah Audit Negeri Sabah. Tiga orang pembentang yang mengambil bahagian di dalam sesi tersebut adalah seperti berikut:



1. Encik Mohammad Faiz bin Azmi
Pengerusi Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Pengerusi Eksekutif PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
Tajuk Kertas: '*Anticipating Issues on the Implementation of Accrual Accounting*'

2. Encik Ranjit Singh
Presiden Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM)
Tajuk Kertas: '*Risk Based Audit Best Practices*'

3. Encik Ong Chee Wai
Ahli Majlis *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants* (MICPA)
Tajuk Kertas: '*Impact of Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) on Audit Evidence*'

Ketiga-ketiga pembentang kertas kerja di atas juga telah mengambil bahagian dalam forum "*Enhancing Institutional Capacity Through Professional Qualification*". Forum tersebut merupakan agenda sesi keempat dan telah dipengerusikan oleh Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan, Pengarah Audit Negeri Sarawak.

Seterusnya, Puan Hajah Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad, Pengarah (Bahagian I) Sektor Audit Kerajaan Persekutuan telah menyampaikan ceramah bertajuk '*ISSAI Compliance Assessment Tools (iCATs) – Pengauditan Prestasi*'. Beliau diikuti oleh Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom, Timbalan Pengarah (Bahagian Pengauditan ICT) Sektor Audit Khas dan Penyelidikan dengan ceramah bertajuk '*Sistem eSPP – Modul Pasukan Rujukan*'. Program persidangan diakhiri dengan sesi penerangan mengenai '*Transformasi Ke Arah Pengkhususan Pengauditan dan Pelaporan Yang Cemerlang*' oleh En. Zulkipli bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan.

UCAPAN ALUAN OLEH KETUA AUDIT NEGARA



Dalam ucapan aluan sambutan Hari Audit 1Malaysia Tahun 2013 ini, YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara menyifatkan Hari Audit 1Malaysia pada tahun ini merupakan perhimpunan warga audit yang terbesar dan bersejarah pernah diadakan di negeri Sarawak sempena perayaan menyambut 50 tahun penubuhannya dalam Malaysia. Majlis turut dimulikan dengan kehadiran tetamu terhormat, YAB Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Pehin Seri Abdul Taib Mahmud dan diserikan dengan kehadiran Ketua-ketua Jabatan dan Agensi negeri di seluruh negara.

Seterusnya, YBhg. Tan Sri mengingatkan setiap warga audit tentang peranan penting yang digalas oleh juruaudit sektor awam dalam mempromosikan tadbir urus yang baik, akauntabiliti, ketelusan dan integriti perkhidmatan awam khususnya yang berkaitan dengan perbelanjaan wang rakyat. Beliau menerangkan bahawa setiap tahun Kerajaan membelanjakan berbillion ringgit untuk memajukan negara dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Peranan audit ialah memastikan segala perbelanjaan itu dibuat secara berhemah, mendatangkan hasil yang baik, berakauntabiliti berdasarkan prinsip-prinsip *Economy, Efficiency, Effectiveness and Ethics* dan mengelakkan unsur-unsur negatif seperti pemborosan, pembaziran dan penyelewengan dengan mengenalpasti kekurangan dan kelemahan yang memerlukan tindakan pembetulan. Dengan itu, YBhg. Tan Sri menegaskan bahawa warga audit perlu menghasilkan audit yang berkualiti bagi memberi kesedaran dan menetengahkan isu-isu yang memerlukan penambahbaikan yang wajar disusul oleh pihak auditi.




YBhg Tan Sri juga memaklumkan bahawa insitusi audit di negara kita perlu menghadapi cabaran-cabaran baru konsisten dengan transformasi yang sedang dan bakal berlaku dalam persekitarannya seperti pelaksanaan inisiatif di bawah GTP 2 berkaitan NKRA memerangi rasuah; pelaksanaan *Accrual Accounting*; pelaksanaan *Goods & Services Tax (GST)*; pelaksanaan *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* sebagai standard pengauditan antarabangsa yang dikemaskini; dan terbaru pengauditan wajib ke atas semua projek-projek Kerajaan yang kosnya melebihi RM100 juta. Dengan itu, YBhg. Tan Sri menyatakan harapannya bahawa Persidangan Juruaudit yang mengiringi sambutan Hari Audit 1Malaysia dapat memantapkan lagi kapasiti dan kewibawaan warga audit dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.

YBhg. Tan Sri mengucapkan tahniah kepada Jabatan dan agensi Kerajaan di peringkat negeri yang mencapai tahap cemerlang dalam pengurusan kewangan mereka di bawah sistem penilaian Indeks Akauntabiliti pada tahun 2012. Beliau menyatakan bahawa pada keseluruhannya, terdapat peningkatan ketara dalam bilangan jabatan dan agensi negeri yang berjaya mendapat 4 bintang iaitu 81 pada tahun 2012 berbanding 66 dalam tahun 2011. Beliau berharap agar kejayaan mereka akan mendorong lebih banyak lagi jabatan dan agensi mendapat 4 bintang pada masa akan datang.

YBhg. Tan Sri turut memaklumkan bahawa sambutan Hari Audit 1Malaysia kali ini juga istimewa kerana YAB Ketua Menteri Sarawak dijemput melancarkan logo rasmi *Asian Organisation of Supreme Audit Institution (ASOSAI) Assembly* yang akan diadakan di Malaysia selaku tuan rumah pada bulan Februari 2015. ASOSAI adalah pertubuhan institusi-institusi audit negara yang dianggotai oleh 45 negara Asia. Malaysia telah dipilih sebagai Pengerusi ASOSAI bagi tempoh 2015 – 2018 yang merupakan satu penghormatan besar kepada seluruh warga audit sektor awam Malaysia.

Sebelum mengakhiri ucapan, YBhg. Tan Sri mengucapkan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak kerana bersama-sama menjayakan Hari Audit 1Malaysia Tahun 2013.

UCAPTAMA DAN PERASMIAN OLEH KETUA MENTERI SARAWAK



Dalam ucapan perasmiannya, YAB Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak menyatakan bahawa Kerajaan Sarawak amat memahami peranan yang dimainkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) yang telah banyak memberi manfaat dalam memantapkan pengurusan wang awam serta dalam perancangan dan pelaksanaan program pembangunan.

YAB Ketua Menteri Sarawak telah menzahirkan kebanggaan Sarawak yang telah dianugerahkan sijil bersih selama 10 tahun dari tahun 2002 hingga 2011 berturut-turut oleh Ketua Audit Negara untuk penyata kewangan negeri. Beliau menerangkan bahawa kewangan negeri Sarawak telah mencatat lebih pendapatan berbanding perbelanjaan berjumlah RM2.6 billion pada tahun 2011 berbanding RM2.22 billion pada tahun sebelumnya. Keadaan itu dapat dicapai hasil kecekapan pengurusan wang awam serta amalan pengurusan kewangan dan tadbir urus kerajaan yang baik.

Beliau menambah Kerajaan Negeri turut mengambil sikap yang proaktif dan positif untuk terus meningkatkan akauntabiliti awam dan segala penemuan, teguran dan pemerhatian audit diberi perhatian demi penambahbaikan dalam pengurusan kewangan. Ini kerana kerajaan sedar bahawa ekspektasi serta harapan rakyat semakin meningkat dan tidak hanya tertumpu pada penyampaian perkhidmatan yang baik serta pembangunan fizikal tetapi merangkumi akauntabiliti dan tadbir urus kerajaan.

YAB Ketua Menteri Sarawak juga berkata peranan yang dimainkan oleh Jabatan Audit Negara adalah amat penting sebagai mekanisma menyemak atau memeriksa dan lebih dalam menjamin akauntabiliti. Kerjasama dan jalinan professional antara



sektor awam dengan JAN harus dikekalkan supaya JAN boleh menjadi agensi penting dalam memastikan pelaksanaan pembangunan negeri akan tercapai.

Beliau menambah kerajaan sentiasa memastikan seluruh rakyat di negeri ini tanpa mengira kawasan penempatan mereka dapat menikmati peluang yang dicipta oleh perkembangan ekonomi di samping berusaha melakukan yang terbaik untuk membangunkan negeri ini. Sehubungan itu, kerajaan telah menubuhkan unit audit dalam di bawah Jabatan Ketua Menteri bagi mempertingkatkan kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan dalam operasinya. Unit tersebut yang mula beroperasi pada awal Januari 1996 bertanggungjawab memeriksa 11 kementerian, 27 jabatan, 29 badan berkanun dan 25 pihak berkuasa tempatan negeri Sarawak.

Selain itu, YAB Ketua Menteri Sarawak juga menjelaskan bahawa peranan naziran perbendaharaan negeri juga amat besar terutamanya dalam pemeriksaan akaun dari semasa ke semasa ke atas semua jabatan atau agensi kerajaan di semua bahagian di Sarawak. Naziran perbendaharaan bertanggungjawab memeriksa akaun serta mengenalpasti ketidakpatuhan terhadap undang-undang sedia ada dan kemudiannya membantu jabatan atau agensi dengan memberi panduan atau tunjuk ajar mengenai penambahbaikan yang perlu diambil. Beliau menyatakan keyakinan beliau bahawa naziran yang dilakukan tersebut akan dapat membantu kementerian, jabatan dan agensi untuk sentiasa memperbaiki kelemahan serta meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan tadbir urus pihak terbabit di negeri Sarawak.

Sebelum mengakhiri ucapan, YAB Ketua Menteri Sarawak mengucapkan tahniah kepada Jabatan dan agensi Kerajaan dari pelbagai negeri yang berjaya mendapat 4 bintang dalam pengurusan kewangan mereka di bawah sistem penilaian Indeks Akauntabiliti pada tahun 2012. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada JAN yang akan menjadi tuan rumah kepada *Asian Organisation of Supreme Audit Institution (ASOSAI) Assembly* di Malaysia pada bulan Februari 2015.



SESI I : CERAMAH

PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK : ISU, CABARAN DAN PERANAN JURUAUDIT DARI PERSPEKTIF PELAKSANA

Pembentang : YBhg. Datu Haji Ismawi Bin Haji Ismuni

Pengarah, Unit Perancangan Negeri

Jabatan Ketua Menteri Sarawak

YBhg. Datu Haji Ismawi bin Haji Ismuni telah membentangkan kertas bertajuk 'Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri Sarawak: Isu, Cabaran dan Peranan Juruaudit Dari Perspektif Pelaksana'. Beliau memulakan ceramah beliau dengan penekanan bahawa secara umumnya, perspektif semua pihak yang terlibat dalam projek pembangunan, iaitu samada perancang ekonomi, perancang pembangunan dan juruaudit adalah sama. Beliau menjelaskan bahawa semua pihak mengutamakan pelaksanaan projek pembangunan yang lancar kerana pelaksanaan yang tidak efisien boleh merosakkan rancangan ekonomi, mengganggu pertumbuhan ekonomi dan membantutkan pembangunan negara. Antara perkara yang dibangkitkan oleh YBhg. Datu adalah:

1. Cabaran dalam projek pembangunan di negeri Sarawak antaranya adalah seperti berikut:
 - a. Sarawak mempunyai penduduk yang kecil dan bertaburan. Sarawak merupakan negeri yang besar dengan penduduk yang kecil dan bertaburan di mana 46% penduduk tinggal di lebih daripada 5000 penempatan luar bandar menyebabkan kekangan "*critical mass*".
 - b. Kos pembangunan di Sarawak adalah tinggi bagi penyediaan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan sosial kerana keadaan topografi yang berbukit – bukau dan bergunung-ganang di kawasan pedalaman dan berpaya di kawasan pesisiran pantai.
 - c. Sarawak juga menghadapi kos pengangkutan yang tinggi dan masalah logistik seperti penggunaan jalan balak, perkhidmatan udara, pengangkutan sungai.



2. Transformasi ekonomi Sarawak dilaksanakan melalui program SCORE (*Sarawak Score of Renewable Energy*) yang merupakan salah satu daripada 5 koridor pembangunan wilayah yang dilaksanakan di Malaysia.
3. Antara isu-isu pelaksanaan dan pemantauan projek yang dihadapi dalam pembangunan negeri Sarawak adalah:
 - a. Agensi klien perlu menyelesaikan aktiviti-aktiviti dalam peringkat pra-pelaksanaan projek. Kelewatan agensi klien menyelesaikan aktiviti-aktiviti dalam peringkat ini akan menjejaskan pelaksanaan projek.
 - b. Agensi klien perlu memantau pelaksanaan dan kemajuan projek bagi memastikan projek siap mengikut jadual, skop dan siling yang diluluskan.
 - c. Kos pemantauan adalah berbeza mengikut lokasi, kemudahan logistik dan kekerapan lawatan ke tapak projek.
 - d. Kemajuan pelaksanaan projek adalah bergantung kepada akses sumber bahan binaan dan tenaga kerja, akses kepada tapak projek dan sumber peruntukan yang mencukupi .

YBhg. Datu merumuskan bahawa negeri Sarawak mempunyai perancangan untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi bagi mencapai status Negeri Maju Berpendapatan Tinggi menjelang tahun 2020 khususnya melalui Pelan Pembangunan SCORE. Kerajaan negeri juga telah meluluskan peruntukan yang besar untuk melaksanakan program dan projek pembangunan. Jentera pelaksanaan program dan projek pembangunan perlu ditingkatkan bagi memastikan ianya dilaksanakan mengikut skop, tempoh masa dan siling peruntukan yang diluluskan. Kegagalan pelaksanaan projek akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020. Dengan itu, peranan Juruaudit adalah penting kerana semua pihak berkongsi aspirasi yang sama bagi pelaksanaan yang baik demi pembangunan negara.



SESI II : PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Pemudahcara : En. Zaaba Bin Zainuddin

Pengarah Audit Negara, Negeri Sabah

Tajuk 1 : *Anticipating Issues On The Implementation Of Accrual Accounting*

Pembentang : Encik Mohammad Faiz bin Azmi

Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) &

Pengerusi Eksekutif, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia

Encik. Mohamad Faiz bin Azmi memulakan sesi 2 dengan memaklumkan bahawa perakaunan akrual kini semakin popular dalam sektor awam di seluruh dunia dan diaplikasikan oleh negara-negara membangun dan maju. Beliau menerangkan bahawa perakaunan akrual boleh memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan kewangan sesebuah organisasi berbanding perakaunan tunai. Bagaimanapun, terdapat pelbagai isu dalam pelaksanaan perakaunan akrual di sektor awam. Di dalam pembentangan beliau, Encik Muhammad Faiz juga menunjukkan perbandingan isu-isu berkaitan perakaunan akrual yang dibangkitkan dalam Sijil Ketua Audit Negara di negara-negara lain. Isu-isu tersebut menyebabkan sijil bersih tidak dapat dikeluarkan bagi penyata kewangan kerajaan negara-negara tersebut.

Secara keseluruhan, antara perkara-perkara penting yang ditekankan oleh beliau adalah:

1. Perakaunan akrual adalah berdasarkan *International Public Sector Accounting Standards* (IPSAS). Secara umumnya, IPSAS hanya menerangkan prinsip-prinsip perakaunan dan pengaplikasiannya adalah *situational* dan memerlukan *professional judgement*. Dengan itu, juruaudit perlu melengkapkan diri dengan kefahaman yang baik mengenai IPSAS dan aspek-aspek teknikal dalam perakaunan sebelum melaksanakan pengauditan terhadap perakaunan akrual.
2. Juruaudit perlu mengkaji semula metodologi pengauditan serta menggunakan *Computer Assisted Auditing Tools* (CAATs) kerana perakaunan akrual meliputi skop yang lebih luas berbanding perakaunan tunai serta melibatkan aspek-aspek perakaunan yang baru seperti susut nilai, *impairment*, *dilution* dan sebagainya.



3. Juruaudit perlu berfikiran analitikal dan menggunakan penilaian professional yang sewajarnya dalam menilai pengaplikasian prinsip perakaunan serta impaknya terhadap transaksi yang dilakukan.
4. Antara cabaran dalam pelaksanaan perakaunan akrual di sektor awam Malaysia adalah tempoh masa yang singkat untuk aktiviti perancangan dan pelaksanaan. Selain itu, pelaksanaan berperingkat juga boleh memberi impak kepada perekodan transaksi dan penyediaan akaun yang telah disatukan.
5. Dengan itu, perancangan terperinci ke arah melengkapkan juruaudit dengan kemahiran dan pengetahuan teknikal yang kritikal bagi pengauditan perakaunan akrual wajib ditekankan. *Lesson learnt* daripada isu-isu yang dibangkitkan oleh institusi audit di negara-negara yang telah melaksanakan perakaunan juga boleh digunakan sebagai latihan kepada juruaudit.



Tajuk 2 : *Risk Based Audit Best Practices*

Pembentang : En. Ranjit Singh

Presiden, Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM)

Di dalam kertas pembentangan beliau, Encik Ranjit Singh menjelaskan bahawa pengauditan berasaskan risiko adalah penting untuk mengenalpasti isu-isu di dalam sesebuah organisasi. Menurut beliau, pengauditan pematuhan hanya dapat mengenalpasti 20% daripada isu yang wujud dalam sesebuah organisasi. Ini adalah kerana pengauditan pematuhan hanya mengenalpasti pematuhan kepada sesuatu peraturan di mana organisasi sendiri boleh mengenalpasti proses pengauditan juruaudit dan dengan mudahnya menutup isu-isu yang wujud. Kaedah terbaik adalah dengan menggunakan pendekatan berasaskan risiko di mana juruaudit akan melihat organisasi secara menyeluruh dan melaksanakan pengauditan ke atas aspek-aspek yang memberikan impak tertentu berdasarkan objektif audit. Juruaudit boleh melaksanakan penganalisaan risiko untuk mengenalpasti isu-isu berimpak tinggi dan mempunyai kebarangkalian untuk berlaku adalah tinggi atau rendah. Dengan itu, beliau menyarankan agar *Integrated Risk Assessment* dibuat di peringkat perancangan audit. Beliau mencadangkan penggunaan *Enterprise Risk Model* (ERM) dalam menentukan risiko dalam sesuatu pengauditan. Hasil ERM dapat membantu strategi dan metodologi pengauditan.



Tajuk 3 : *Impact Of Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) On Audit Evidence*

Pembentang : En. Ong Chee Wai

Ahli Majlis, *The Malaysian Institute Of Certified Public Accountants* (MICPA)

Mr. Ong Chee Wai menerangkan bahawa perubahan dalam MFRS memerlukan Juruaudit membuat penilaian profesional yang sewajarnya. Selain itu, MFRS juga lebih kompleks, merangkumi skop yang lebih luas, menekankan *fair value* dan memerlukan lebih banyak *disclosure*. Kriteria penting bagi bukti audit adalah ia perlu relevan dan boleh dipercayai. Antara kekangan untuk mendapatkan bukti audit yang relevan dan boleh dipercayai adalah:

- a. Prosedur untuk menangani risiko – “*We don’t know what we don’t know*”. Pendekatan berasaskan risiko adalah penting untuk mengenalpasti isu - isu dan mendapatkan bukti audit yang relevan dengan isu berkenaan.
- b. *Management bias* – Ianya merujuk kepada kecenderungan pihak pengurusan untuk mengaplikasikan fleksibiliti dalam prinsip MFRS bagi kepentingan mereka dan bukan untuk kepentingan organisasi secara keseluruhan. Antara langkah mendapatkan bukti audit bagi aspek *management bias* ialah dengan melihat *trend analysis* dan membuat perbandingan industri.
- c. Kewajaran jangkaan perakaunan – Langkah yang boleh dilakukan untuk mendapatkan bukti audit yang relevan dan boleh dipercayai ialah mendapatkan khidmat nasihat pakar (*expertise*) atau mengumpul maklumat yang objektif daripada persekitaran atau sumber yang boleh dipercayai.



SESI III : FORUM

ENHANCING INSTITUTIONAL CAPACITY THROUGH PROFESIONAL QUALIFICATION

Ahli panel terdiri daripada:

1. Encik Mohammad Faiz bin Azmi
Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) & Pengerusi Eksekutif, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
2. Encik Ranjit Singh
Presiden, Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM)
3. Encik Ong Chee Wai
Ahli Majlis, The Malaysian Institute Of Certified Public Accountants (MICPA)

Pemudahcara : Tn. Hj. Khalid Khan bin Abdullah Khan

Pengarah Audit Negara, Negeri Sarawak

Sesi forum dimulakan oleh Encik Muhammad Faiz yang menekankan kepentingan pembelajaran profesional yang berterusan bagi memastikan juruaudit sentiasa berada di tahap profesional yang sepatutnya dan peka terhadap perubahan di persekitarannya. Encik Ong Chee Wai pula menerangkan pelbagai bantuan kewangan dan bukan kewangan yang ditawarkan oleh organisasi beliau bagi membantu juruaudit di organisasi tersebut meningkatkan kelayakan profesional mereka. Seterusnya, Encik Ranjit Singh menerangkan pelbagai pentauliahkan yang ditawarkan oleh Institusi Juruaudit Dalam Malaysia. Secara keseluruhan, pandangan yang telah diberikan oleh ahli panel dalam sesi forum tersebut adalah seperti berikut:

1. Seseorang yang mempunyai sijil profesional adalah berbeza dengan mereka yang mempunyai sijil akademik sahaja kerana organisasi yang mentauliahkan sijil profesional lazimnya akan menghendaki pemegangnya mengikuti pembelajaran profesional berterusan.
2. Seseorang profesional akan mempunyai akses kepada pangkalan data global berhubung perubahan baru dalam persekitaran perakaunan, teknik terkini serta



perkembangan semasa. Selain itu, jaringan yang tercipta juga dapat membantu pembangunan kerjaya profesional berkenaan.

3. Untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi dalam membangunkan kumpulan pemegang kelayakan profesional, perkara penting yang perlu diberi fokus adalah sistem pengiktirafan/penghargaan yang efektif seperti kenaikan gaji, peluang kenaikan pangkat, subsidi pembelajaran. Bagaimanapun, berdasarkan senario sekarang, sektor awam tidak mengiktiraf pegawai yang mempunyai kelayakan profesional.
4. Tidak semua kelayakan professional memerlukan latar belakang perakaunan. Contohnya, kelayakan *The Institute of Chartered Accountants in England and Wales* (ICAEW) membolehkan pegawai yang tidak mempunyai latar belakang perakaunan turut mempunyai kelayakan profesional yang berlandaskan perakaunan.
5. Salah satu keperluan kepada kelayakan profesional adalah disebabkan tanggungjawab seorang profesional semakin bertambah seiring dengan perkembangan semasa dalam memenuhi ekpektasi stakeholders. Kehendak seperti IFRS dan IPSAS menyebabkan perlu kepada tenaga profesional. Mengambil kira pengalaman ICAEW, di mana kesan permintaan tersebut menyebabkan reformasi di dalam latihan professional mereka.

Kesimpulan daripada forum ini ialah pengurusan sumber manusia dalam kelayakan profesional bidang pengauditan tidak mudah dilaksanakan kerana banyak cabaran yang perlu dihadapi, antaranya fungsi Jabatan Perkhidmatan Awam dalam pengambilan dan pengiktirafan. Para pegawai yang tidak mempunyai kelayakan perakaunan juga perlu melalui proses khusus yang perlu dirancang bagi mengiktiraf tahap profesionalisme mereka. Di dalam senario semasa, proses ini adalah penting dan harus diberi perhatian. Selain itu, untuk tujuan pengukuhan organisasi, JAN juga boleh mengambil pendekatan *inter organisation collaboration* seperti dengan badan-badan profesional untuk mendapatkan bantuan yang sewajarnya..



SESI IV : CERAMAH

ISSAI COMPLIANCE ASSESSMENT TOOLS (iCATS) – PENGAUDITAN PRESTASI

Pembentang : Pn. Hajah Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad
Pengarah (Bahagian I)
Sektor Audit Kerajaan Persekutuan

Pn. Hajah Saadatul Nafisah telah menyampaikan ceramah bertajuk 'ISSAI *Compliance Assessment Tools* (iCATs) - Pengauditan Prestasi'. Menurut beliau, iCATs merupakan penilaian terhadap tahap pematuhan sesebuah institusi audit terhadap standard pengauditan antarabangsa, ISSAI. Beliau juga menjelaskan objektif iCATs dan keperluan untuk melaksanakan ISSAI di setiap SAI. JAN telah melaksanakan iCATs tahap 2 (*Prerequisites for the Functioning of SAIs*) serta tahap 4 (*Performance Audit*). Secara keseluruhannya, JAN mematuhi 93% keperluan ISSAI bagi tahap 2 dan 79% bagi tahap 4. Antara kekangan yang menyebabkan keperluan-keperluan di bawah ISSAI tidak dapat dipatuhi sepenuhnya adalah:

1. Jabatan tidak mempunyai kebebasan sepenuhnya terutamanya dalam aspek bajet dan pengambilan pegawai; dan
2. ISSAI memerlukan dokumentasi yang terperinci seperti penyediaan laporan selepas entrance conference, pelaporan tugas secara mingguan dan penyediaan kertas kerja yang sangat terperinci.

Dengan itu inisiatif-inisiatif yang sedang diambil oleh Jabatan adalah:

1. Mengkaji dan meminda Akta Audit bagi mengambil kira aspek bajet, pengambilan pegawai dan immuniti;
2. Melaksanakan transformasi penstrukturan Jabatan Audit Negara;
3. Melancarkan Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs);



4. Menekankan aspek pembangunan kapasiti pegawai melalui kursus ISSAI, latihan dan penubuhan Subject Matter Experts (SME); dan
5. Melantik SAI Indonesia untuk melaksanakan *peer review* ke atas pengauditan kewangan 2014.



SESI V : CERAMAH

SISTEM eSPP – MODUL PASUKAN RUJUKAN

Pembentang : Tuan Haji Y Hamdan bin Mohd Dom
Timbalan Pengarah (Bahagian Pengauditan ICT)
Sektor Audit Khas dan Penyelidikan

Tuan Haji Y Hamdan memulakan ceramah beliau dengan menerangkan kepentingan modul Pasukan Rujukan dan tujuan ia diwujudkan di dalam sistem eSPP. Menurut beliau, modul Pasukan Rujukan menyediakan *platform* untuk juruaudit mendapatkan jawapan kepada pelbagai soalan yang berkaitan pengauditan. Modul ini mempunyai pangkalan data soalan lazim [*Frequently Asked Questions*(FAQ)]. Juruaudit juga boleh mengajukan soalan melalui modul ini dan akan dijawab oleh pasukan rujukan yang berkaitan. Tuan Haji Y Hamdan menerangkan cara - cara untuk mengakses FAQ serta mengajukan soalan kepada pasukan rujukan. Sehingga tarikh persidangan, sebanyak 13 pasukan rujukan telah diwujudkan dan urusetianya adalah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan. Selain itu, Tuan Haji Y Hamdan juga menjelaskan cara-cara untuk menggunakan koleksi soalan di modul pasukan rujukan dalam penyediaan program audit. Beliau merumuskan ceramah yang disampaikan dengan harapan bahawa modul ini akan digunakan sepenuhnya oleh semua juruaudit untuk berkongsi ilmu dan menambah pengetahuan.



SESI VI : CERAMAH

TRANSFORMASI KE ARAH PENGKHUSUSAN PENGAUDITAN DAN PELAPORAN YANG CEMERLANG

Pembentang : Encik Zulkipli bin Abdullah

Pengarah, Sektor Audit Khas dan Penyelidikan

Encik Zulkipli bin Abdullah memulakan sesi terakhir Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2013 dengan menerangkan transformasi yang telah dilaksanakan di JAN sejak tahun 2006. Beliau juga mengenal pasti 6 kaedah penstrukturan iaitu *redeployment*, *trade off*, kontrak, *outsource* dan tambahan pegawai, sekiranya perlu. Selain itu, antara perkara yang dinyatakan di dalam taklimat beliau adalah:

1. Terdapat 4 Program Jabatan Audit Negara iaitu Pengauditan, Susulan, Pengurusan dan Pejabat KAN
2. Terdapat 3 aktiviti di bawah Program I – Pengauditan iaitu prestasi, kewangan dan syarikat/*good governance*.
3. Terdapat 4 aktiviti di bawah Program III – Pengurusan iaitu Kewangan, Sumber Manusia, Teknologi Maklumat dan Pengurusan Aset.
4. Bahagian Korporat, Perancang Strategik dan Penyelarasan diwujudkan di bawah Pejabat KAN. Unit-unit di bawah Bahagian tersebut adalah Pegawai Undang-undang, Penyelidikan dan Pembangunan, Jaminan Kualiti, Hubungan Antarabangsa dan Akademi Audit Negara.
5. Bahagian Teknikal diwujudkan mengikut zon dan pengambilan pegawai Jabatan Kerja Raya (JKR) yang telah bersara.
6. Bilangan pegawai ICT di negeri akan ditambah.

Antara cadangan yang telah diberikan oleh peserta persidangan bagi tujuan penambahbaikan adalah seperti berikut:



1. Akademi Audit Negara diletakkan di bawah Program II – Pengurusan dan bukannya di bawah Bahagian Korporat.
2. Akademi Audit Negara perlu diletakkan terus di bawah Ketua Audit Negara kerana ia juga *cater* untuk agensi luar.
3. Unit Komunikasi Korporat perlu diwujudkan.
4. Unit Teknikal perlu dinyatakan di bawah Aktiviti Prestasi.
5. Pegawai Undang –undang perlu lapor terus kepada Ketua Audit Negara dan tidak perlu melalui Bahagian Korporat, Perancang Strategik dan Penyelarasan.
6. Unit Air dan Alam Sekitar boleh disatukan.
7. Satu unit yang menyelaraskan hubungan antara Unit Audit Dalam dan JAN perlu ditubuhkan.
8. Satu unit khusus bagi pengauditan GST perlu ditubuhkan.



PENUTUP DAN RUMUSAN PERSIDANGAN OLEH TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (PERSEKUTUAN)

YBhg. Datuk Anwari bin Suri melahirkan penghargaannya kepada semua ahli jawatankuasa kerana berjaya menganjurkan persidangan yang berkualiti melalui beberapa pembentangan kertas kerja yang berkaitan pengauditan sektor awam dan juga ceramah yang berinformatif. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada hadirin yang hadir kerana menjayakan Persidangan Juruaudit Sektor Awam pada kali ini.

Seterusnya, YBhg Datuk menjelaskan bahawa hasil persidangan kali ini, beberapa resolusi telah dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Program Kemasyarakatan Hari Audit 1Malaysia

Program Gotong Royong diteruskan dalam setiap sesi Hari Audit 1Malaysia supaya hasrat Ketua Audit Negara iaitu Juruaudit dapat bergaul dengan masyarakat dan menyahut seruan Kerajaan di bawah program IM4U – I am For U.

2. Kesiapsediaan JAN untuk menjadi Hos *Asian Organisation of Supreme Audit Institution (ASOSAI) Assembly* pada Februari 2015

Di persidangan ini, JAN telah melancarkan logo rasmi yang telah dilaksanakan oleh Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak. Diharapkan Jawatankuasa yang dilantik melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

3. Pelaksanaan Standard dan Garis Panduan Pengauditan

Garis Panduan yang telah dilancarkan adalah seperti berikut:

- Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan ISSAI
- Garis Panduan Pengauditan Perolehan
- Garis Panduan Rancangan Tebatan Banjir – Sungai
- Garis Panduan Pengauditan Pengurusan Sistem Saliran Bandar

Menyentuh rumusan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2013, YBhg. Datuk memaklumkan perkara-perkara berikut:



Sesi 1 - Ceramah: Pelaksanaan Projek Pembangunan Negeri Sarawak - Isu, Cabaran dan Peranan Juruaudit Dari Perspektif Pelaksana

Transformasi ekonomi Sarawak dilaksanakan melalui program SCORE (*Sarawak Corridor of Renewable Energy*) yang merupakan salah satu daripada 5 koridor pembangunan wilayah yang dilaksanakan di Malaysia. Jentera pelaksanaan program dan projek pembangunan di negeri Sarawak perlu ditingkatkan bagi memastikan ianya dilaksanakan mengikut skop, tempoh masa dan siling peruntukan yang diluluskan. Kegagalan pelaksanaan projek akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020. Dengan itu, peranan Juruaudit adalah penting kerana semua pihak berkongsi aspirasi yang sama bagi pelaksanaan yang baik demi pembangunan negara.

Sesi 2 – Pembentangan Kertas Kerja

Di bawah tajuk '*Anticipating Issues on the Implementation of Accrual Accounting*', beberapa perkara telah ditekankan adalah:

- Juruaudit hendaklah diperlengkapkan dengan kefahaman yang baik mengenai Standard Pengauditan (IPSAS dan ISSAI) dan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS).
- Pemahaman yang baik mengenai *estimates* dan penyata kewangan (*Balance Sheet*) serta penggunaan *Computer Assisted Auditing Tools* (CAATs).
- Penggunaan metodologi persampelan statistik untuk memberi pendapat yang objektif.
- Juruaudit perlu menggunakan penilaian professional yang sewajarnya berhubung penggunaan standard perakaunan yang relevan, *impairment*, impak terhadap angka-angka/transaksi yang dilaporkan serta aspek-aspek lain yang berkaitan.



- Rancangan dan timelines ke arah *Accrual Accounting* perlu disediakan. *Skillset issues* yang melibatkan latihan teknikal pegawai perlu diberi perhatian.

Bagi pembentangan kertas '*Risk Based Audit Best Practices*', memerlukan kepada juruaudit melihat organisasi secara menyeluruh dan memfokuskan pengauditan kepada perkara-perkara yang memberikan impak dan berisiko tinggi. *Integrated Risk Assessment* perlu dibuat dalam perancangan audit. Beliau mencadangkan penggunaan *Enterprise Risk Model* (ERM) dalam menentukan risiko dalam sesuatu pengauditan. Hasil ERM dapat membantu strategi dan metodologi pengauditan.

Kertas kerja '*Impact of MFRS on Audit Evidence*' menjelaskan bahawa perubahan dalam MFRS memerlukan Juruaudit membuat penilaian profesional yang sewajarnya. Bukti audit yang mencukupi, relevan dan boleh dipercayai adalah penting. Juruaudit harus fokus kepada aspek prosedur pengurusan risiko, *management bias* dan jangkaan kewajaran perakaunan.

Sesi 3 – Forum: *Enhancing Institutional Capacity Through Professional Qualification*

Antara pandangan yang diberikan oleh panelis adalah seperti berikut:-

- Keperluan kepada kelayakan profesional adalah disebabkan tanggungjawab seorang profesional semakin bertambah seiring dengan perkembangan semasa dalam memenuhi ekpektasi *stakeholders*. Kehendak seperti IFRS dan IPSAS menyebabkan perlu kepada tenaga profesional.
- Sektor awam tidak mengiktiraf pegawai yang mempunyai kelayakan profesional. Ini merupakan kekangan yang menghalang seseorang pegawai mengambil peperiksaan profesional berkenaan.



- Satu mekanisme khusus perlu difikirkan bagi pegawai yang tidak mempunyai kelayakan perakaunan/profesional untuk membolehkan mereka mendapat pengiktirafan kelayakan profesional.

Adalah dicadangkan untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi dalam membangun kumpulan pemegang kelayakan profesional, perkara penting yang perlu diberi fokus adalah dengan memberi pengiktirafan/penghargaan seperti peluang kenaikan pangkat, subsidi pembelajaran, ikatan melalui perjanjian untuk mengekalkan mereka di organisasi tersebut. Selain itu, Jabatan Audit Negara berkolaborasi dengan badan-badan profesional untuk juruaudit mendapatkan kelayakan yang berkenaan.

Sesi 4 – Ceramah: ISSAI *Compliance Assessment Tools* (iCATs) – Pengauditan Prestasi

Secara keseluruhannya, Jabatan mematuhi 93% keperluan ISSAI bagi tahap 2 dan 79% bagi tahap 4. JAN telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut untuk meningkatkan tahap pematuhan:

- Mengkaji dan meminda Akta Audit bagi mengambil kira aspek bajet, pengambilan pegawai dan immuniti;
- Melaksanakan transformasi penstrukturan Jabatan Audit Negara;
- Melancarkan Standard Pengauditan Sektor Awam Malaysia Berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs);
- Menekankan aspek pembangunan kapasiti pegawai melalui kursus ISSAI, latihan dan penubuhan *Subject Matter Experts* (SME); dan
- Melantik SAI Indonesia untuk melaksanakan peer review ke atas pengauditan kewangan 2014.



Sesi 5 – Ceramah: Sistem eSPP – Modul Pasukan Rujukan

Modul Pasukan Rujukan di dalam sistem eSPP perlu digunakan dengan baik oleh semua juruaudit untuk berkongsi ilmu dan menambah pengetahuan.

Sesi 6 - Transformasi Ke Arah Pengkhususan Pengauditan dan Pelaporan Yang Cemerlang

Secara keseluruhan, semua pegawai bersetuju dengan cadangan penstrukturan semula JAN. Pelbagai cadangan penambahbaikan telah diterima semasa sesi tersebut dan cadangan-cadangan berkenaan akan dibincangkan di Mesyuarat Transformasi JAN yang seterusnya.

Di akhir sesi, YBhg. Datuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penganjur dan berterima kasih kepada sekalian warga Audit yang hadir dan diakhiri dengan ucapan salam.



**SENARAI JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI YANG MENERIMA
ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN
BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2012**

1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor
2. Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri Johor
3. Majlis Daerah Segamat
4. Perbadanan Johor
5. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah
6. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
7. Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah
8. Majlis Agama Islam Negeri Kedah
9. Majlis Perbandaran Sungai Petani
10. Pejabat Daerah dan Tanah Sik
11. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
12. Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan
13. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
14. Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
15. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
16. Majlis Daerah Pasir Puteh
17. Majlis Daerah Machang
18. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
19. Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka
20. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Melaka
21. Mahkamah Syariah Negeri Melaka
22. Majlis Agama Islam Melaka
23. Majlis Perbendaharaan Alor Gajah
24. Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka
25. Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Melaka
26. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
27. Pejabat Kewangan Negeri Sembilan
28. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan
29. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
30. Majlis Daerah Rembau



31. Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan
32. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
33. Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang
34. Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang
35. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang
36. Majlis Daerah Pekan
37. Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
38. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang
39. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
40. Pejabat Kewangan Negeri Perak
41. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Perak
42. Jabatan Perhutanan Negeri Perak
43. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
44. Majlis Bandar Raya Ipoh
45. Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri Perlis
46. Perbendaharaan Negeri Perlis
47. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
48. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang
49. Majlis Agama Islam Pulau Pinang
50. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya, Pulau Pinang
51. Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang
52. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
53. Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
54. Jabatan Ketua Menteri Sabah
55. Kementerian Kewangan Negeri Sabah
56. Jabatan Bendahari Negeri Sabah
57. Jabatan Arkib Negeri Sabah
58. Majlis Daerah Keningau
59. Majlis Daerah Sipitang
60. Majlis Daerah Tambunan
61. Pejabat Perhubungan Negeri Sabah
62. Perbadanan Pinjaman Sabah
63. Jabatan Ketua Menteri Sarawak



64. Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak
65. Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
66. Lembaga Pelabuhan Miri
67. Lembaga Pelabuhan Rajang
68. Majlis Daerah Subis
69. Perbadanan Kejuruteraan dan Limbongan Brooke Sarawak
70. Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak
71. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
72. Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor
73. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor
74. Majlis Perbandaran Klang
75. Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
76. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
77. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu
78. Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu
79. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
80. Majlis Perbandaran Dungun
81. Perbandanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu

1. PERASMIAN HARI AUDIT 1MALAYSIA



YAB Ketua Menteri Sarawak yang dalam perjalanan untuk merasmikan Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2013



Ucapan Aluan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Audit Negara



Ucapan Perasmian Oleh YAB Ketua Menteri Sarawak



Majlis Perasmian Hari Audit 1Malaysia dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2013



YAB Ketua Menteri Sarawak melihat Standard dan Garis Panduan Yang telah dilancarkan



Majlis penganugerahan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti

2. PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM TAHUN 2013



Para barisan panel yang dijemput bagi membincangkan forum: *Enhancing Institutional Capacity Through Professional Qualifications*



Peserta Persidangan Juruaudit Sektor Awam Tahun 2013



YBhg. Datu Haji Ismawi bin Haji Ismuni
Pengarah Unit Perancangan Negeri Sarawak



Pembentangan oleh Encik Zulkipli bin Abdullah,
Pengarah Sektor Audit Khas dan Penyelidikan



Puan Rosni Razali mengemukakan soalan kepada pembentang kertas kerja



Ucapan Penutup oleh YBhg. Datuk Haji Anwari bin Suri



Jawatankuasa Pelapor

En. Zulkipli Bin Abdullah

Dr. Masiah Binti Ahmad

Pn. Nor Haiza Abd. Aziz @ Juned

Tuan Haji Ungku Mohammad Alhady bin Ungku Mohd Zam

Pn. Hema Latha a/p Kumaresan

Cik Aziatul Akmam Bt Atan @ Abdullah

